Bahawasanya Pengecualian Am 1b, Polisi ini diperluas untuk melindungi **Orang yang Diinsuranskan** berkenaan dengan kematian atau **kecederaan** anggota badan yang akan ditanggung melalui tindakan pengganasan dengan syarat tiada liabiliti apabila tindakan pengganasan tersebut melibatkan penggunaan senjata biologi, agen-agen kimia atau alat-alat nuklear.

PERLINDUNGAN RAMPASAN

Insurans ini adalah diperluas untuk melindungi kematian atau **kecederaan** anggota badan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh rampasan.

POLISI TAHUNAN

Polisi ini adalah layak untuk orang yang berumur di antara 18 dan 69 tahun semasa permohonan pertama dan boleh diperbaharui sehingga 80 tahun. Berikut adalah dikecualikan daripada **Polisi Tahunan**:

- Syarat-syarat Am 2(e)
- Penyambungan Tempoh yang Diinsuranskan

Polisi Tahunan tidak memberikan

- kepada individu bukan pemastautin
- untuk perlindungan sehalu

Perlindungan Data Peribadi

Dengan memberikan Data Peribadi anda, bermakna anda memberi kebenaran kepada kami untuk menggunakannya sebagaimana dihuraikan di bawah:-

1. Untuk memproses Data Peribadi anda dengan matlamat untuk melaksanakan kontrak Insurans.
2. Anda membenarkan dan mengizinkan kami untuk menyimpan dan berkongsi data tersebut dengan pembekal perkhidmatan kami, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - a) Penyelaras berlesen yang berdaftar,
 - b) Peguam Cara, dan mana-mana badan profesional lain untuk tujuan pelaksanaan Kontrak Insurans,
 - c) Penanggung Insurans dan Penanggung Insurans Semula,
 - d) ISM Insurance Services Malaysia Berhad.
3. Untuk maklumat lanjut mengenai komitmen **MSIG** untuk melindungi Data Peribadi, senarai pembekal perkhidmatan dan rakan-rakan perniagaan yang **kami** mungkin dedahkan Data Peribadi **anda**, sila rujuk kepada Notis Privasi **MSIG** di www.msig.com.my.

Anda juga boleh meminta akses kepada atau membetulkan Data Peribadi **anda** dengan menghubungi Jabatan Khidmat Pelanggan kami. Maklumat tersebut hanya akan diberi selepas pengesahan. 'Data Peribadi' mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

Fasal Cukai

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan dan duti setem) yang dikenakan oleh Penguatu kuasa Cukai Malaysia berhubung polisi ini.

PERLINDUNGAN PILIHAN

TAMBAHAN PENGATURAN PENGANGKUTAN ALTERNATIF

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **anda** telah bayar kepada **kami**, **kami** bersetuju untuk menambah had bagi manfaat Seksyen 21 – Pengaturan Pengangkutan Alternatif dengan jumlah seperti yang dinyatakan di bawah berdasarkan pelan yang **anda** pilih:

Manfaat	Jumlah Tambah Nilai (RM)		
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
Pengaturan Pengangkutan Alternatif Tambahan	1,000	2,000	3,000

Perlindungan tambahan ini membentuk sebahagian daripada Polisi Insurans TravelRight Plus **anda** dan tertakluk kepada terma dan syarat polisi ini.

MANFAAT COVID-19

Anda hanya akan dilindungi di bawah seksyen ini jika **anda** telah memilih tambahan Manfaat **COVID-19** dan telah membayar premium tambahan yang sewajarnya kepada **kami**.

Perlindungan tambahan ini membentuk sebahagian daripada Polisi Insurans TravelRight Plus **anda** dan tertakluk kepada tafsiran, syarat-syarat am, terma dan syarat Seksyen 2, 7 dan 8 pada polisi.

Jadual Manfaat COVID-19 Anda

Anda akan dilindungi mengikut pelan yang **anda** pilih seperti yang dinyatakan dalam jadual polisi / sijil insurans **anda**.

	Manfaat-Manfaat	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
Seksyen 2	Perbelanjaan Perubatan dan Perbelanjaan Lain			
	Had Keseluruhan bagi Perbelanjaan Perubatan COVID-19	100,000	200,000	450,000
	Rawatan Susulan di Malaysia**(sehingga maksimum 45 hari)	30,000	75,000	100,000
	** Tertakluk kepada Had Keseluruhan bagi Perbelanjaan Perubatan COVID-19			

	Manfaat-Manfaat	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
	Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Membawa Balik ke Malaysia	250,000	350,000	500,000
	Penghantaran Balik Jenazah (termasuk Pengebumian dan Pembakaran Mayat)	250,000	350,000	500,000
	Pendapatan Hospital - setiap hari - sehingga maksimum	200 6,000	300 9,000	400 12,000
Seksyen 7	Pembatalan Perjalanan	5,000	12,500	25,000
Seksyen 8	Pemendekan Perjalanan	5,000	12,500	25,000

Tafsiran Perkataan untuk Manfaat COVID-19

COVID-19 bermaksud penyakit coronavirus 2019 (COVID-19), penyakit berjangkit yang disebabkan oleh sindrom pernafasan akut teruk coronavirus 2 (SARS-CoV-2) atau sebarang varian atau jenis yang berkaitan dengannya.

Kuarantin bermaksud sekatan pergerakan atau perjalanan oleh pihak berkuasa perubatan atau kerajaan ke atas individu yang, atau disyaki pembawa jangkitan **COVID-19**, atau kenalan seseorang yang disahkan dijangkiti **COVID-19**.

Keterangan Manfaat

Seksyen 2: Perbelanjaan Perubatan dan Perbelanjaan Lain

Perbelanjaan Perubatan COVID-19 dan Rawatan Susulan di Malaysia

Kami akan membayar balik **anda** sehingga had yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat COVID-19** untuk caj rawatan perubatan yang lazim dan munasabah yang ditanggung semasa terlantar di **hospital luar negara** akibat dari keputusan jangkitan **COVID-19** secara langsung, tunggal dan berkembang yang **anda** alami, termasuk perbelanjaan perubatan susulan yang ditanggung di Malaysia selepas **anda** pulang dari **perjalanan anda**. **Anda** mestilah menghubungi MSIG Assist untuk mendapatkan kelulusan terlebih dahulu bagi sebarang rawatan perubatan berkaitan **COVID-19**. Kegagalan berbuat demikian akan membatalkan tuntutan untuk kos tersebut.

Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Membawa Balik ke Malaysia

Jika **anda** didiagnosis dengan **COVID-19** semasa **perjalanan anda**, kami akan membayar balik kepada **anda** sehingga had yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat COVID-19** untuk kos pemindahan perubatan kecemasan termasuk pengangkutan udara dan darat, rawatan perubatan semasa pengangkutan, komunikasi dan semua caj tambahan biasa yang ditanggung untuk membawa **anda** ke **hospital** terdekat di mana rawatan perubatan **COVID-19** yang sewajarnya boleh didapati. Kami tidak akan membayar untuk memindahkan **anda** dari Malaysia ke destinasi negara luar. **Anda** mestilah menghubungi MSIG Assist untuk mendapatkan kelulusan terlebih dahulu bagi sebarang pemindahan perubatan kecemasan berkaitan dengan **COVID-19**. Kegagalan berbuat demikian akan membatalkan tuntutan untuk kos tersebut.

Penghantaran Balik Jenazah (termasuk Pengebumian & Pembakaran Mayat)

Sekiranya kematian **anda** disebabkan oleh jangkitan **COVID-19**, kami akan membayar balik bayaran yang munasabah untuk pengebumian atau pembakaran mayat di lokasi kematian berlaku termasuk kos yang munasabah sehingga had yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat COVID-19** untuk mengangkut abu atau mayat **anda** kembali ke Malaysia. Kos pengangkutan abu atau mayat **anda** dari Malaysia ke destinasi negara luar tidak dilindungi. Kelulusan awal diperlukan daripada MSIG Assist untuk sebarang penghantaran pulang berkaitan dengan **COVID-19**. Kegagalan berbuat demikian akan membatalkan tuntutan untuk kos tersebut.

Pendapatan Hospital

Kami akan membayar anda jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat COVID-19** bagi setiap hari penuh **anda** dimasukkan ke **hospital luar negara** sebagai seorang pesakit akibat jangkitan **COVID-19** seperti yang diisytiharkan oleh pihak berkuasa kesihatan awam yang diiktiraf di negara **anda** melawat semasa tempoh **perjalanan** maksimum sehingga 30 hari.

Seksyen 7: Pembatalan Perjalanan

Kami akan membayar balik sehingga had yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat COVID-19** untuk kehilangan penginapan atau caj pengangkutan peribadi, perbelanjaan perjalanan tambahan berbayar atau dikontrakkan untuk dibayar oleh atau kepada **anda** dan kehilangan caj lawatan singkat yang telah ditempah dan dibayar terlebih dahulu di Malaysia oleh atau untuk **anda** yang tidak dapat diperolehi semula dari mana-mana sumber lain jika **perjalanan anda** terpaksa dibatalkan pada masa pelepasan akibat **anda** didiagnosis dengan jangkitan **COVID-19** dalam masa tujuh (7) hari sebelum **perjalanan anda**. Manfaat ini boleh diguna pakai jika **anda** telah membeli manfaat tambahan ini tidak lewat daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh mula **perjalanan anda**.

Seksyen 8: Pemendekan Perjalanan

Kami akan membayar balik sehingga had yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat COVID-19** untuk pemulangan bahagian perjalanan **anda** yang tidak digunakan dan tidak boleh dikembalikan mengikut kadar hari-hari yang tidak digunakan yang telah dibayar atau dikontakkan untuk dibayar oleh **anda** atau kepada **anda** di Malaysia sekiranya perjalanan itu perlu dan tidak dapat dielakkan oleh **anda** disebabkan **anda** telah didiagnosis dengan jangkitan **COVID-19** semasa **perjalanan anda**.

Syarat Tambahan untuk Manfaat COVID-19

Bagi setiap Orang yang Diinsuranskan kami tidak akan membayar untuk:

1. Perjalanan **anda** ke negara, kawasan atau acara tertentu apabila Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau pihak berkuasa kawal selia di negara ke/dari mana **anda** melancong telah menasihatkan supaya tidak melakukan semua perjalanan kecuali perjalanan yang penting.
2. Kegagalan **anda** untuk mendapatkan vaksinasi atau ujian **COVID-19** yang mungkin **anda** perlukan untuk **perjalanan anda**.
3. Kegagalan **anda** untuk mematuhi undang-undang dan peraturan tempatan dan/atau kegagalan untuk mendapatkan kelulusan yang diperlukan atau keperluan lengkap untuk mengambil ujian **COVID-19** dan mendapatkan keputusan negatif sebelum berlepas.
4. Perbelanjaan yang ditanggung **anda** untuk ujian **COVID-19** sebelum perjalanan, ujian **COVID-19** di lapangan terbang berlepas atau ketibaan, atau ujian **COVID-19** selepas perjalanan.
5. **Kuarantin anda** semasa berada di **luar negara** atau semasa pulang ke Malaysia.
6. Pembatalan atau pemendekan perjalanan **anda** semata-mata disebabkan **kuarantin**, penutupan sempadan, keengganan **anda** untuk melakukan perjalanan atau nasihat perjalanan yang dikeluarkan oleh kerajaan, pihak berkuasa kesihatan atau Pertubuhan Kesihatan Sedunia berkaitan wabak, oleh atau untuk negara destinasi atau negara asal.

PERLINDUNGAN TAMBAHAN MANFAAT PELAYARAN

Anda hanya akan dilindungi jika **anda** telah memilih perlindungan tambahan **Manfaat Pelayaran** dan telah membayar premium insurans tambahan yang sewajarnya kepada **kami**.

Perlindungan tambahan ini membentuk sebahagian daripada Polisi Insurans TravelRight Plus **anda**. Melainkan dinyatakan sebaliknya atau diubah suai secara khusus, Takrif Perkataan, Syarat-syarat Umum dan Pengecualian-pengecualian Umum (terpakai kepada semua bahagian) dalam polisi akan terpakai untuk perlindungan tambahan ini. Jika mana-mana terma atau syarat dalam polisi tidak konsisten dengan perlindungan tambahan ini, terma dan syarat dalam perlindungan tambahan ini akan diguna pakai.

Untuk mengelakkan keraguan, sebarang tuntutan yang dibayar di bawah perlindungan tambahan ini tidak akan dibayar di bawah perlindungan utama polisi untuk manfaat yang sama.

JADUAL MANFAAT PELAYARAN ANDA

Manfaat-Manfaat	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)
Pembatalan Lawatan Persiaran	20,000	50,000
Gangguan Lawatan Persiaran	20,000	50,000
Sambungan Pelayaran	2,000	2,000

Definisi Perkataan untuk Perlindungan Tambahan Manfaat Pelayaran

Pelayaran bermaksud pelayaran yang menjadi sebahagian daripada **perjalanan anda** dari masa **anda** menaiki kapal sebagai penumpang di pelabuhan pertama sehingga **anda** turun di pelabuhan terakhir yang berlaku semasa atau sebahagian daripada **perjalanan anda**.

Jadual Perjalanan Pelayaran bermaksud pelan terperinci **pelayaran anda** yang disahkan oleh agensi pelancongan, operator pelancongan atau syarikat pelayaran, dengan resit pembayaran atau pengesahan, sebelum **pelayaran** dimulakan.

Lawatan persiaran bermaksud lawatan atau aktiviti yang berlaku semasa kapal **persiaran anda** berlabuh di pelabuhan dalam jadual **perjalanan pelayaran anda**.

Keterangan Manfaat

Pembatalan Lawatan Persiaran

Kami akan membayar balik kepada **anda** sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat Pelayaran** untuk sebarang kos yang tidak boleh dikembalikan bagi **lawatan persiaran anda** yang telah **anda** beli jika **lawatan persiaran anda** dibatalkan kerana berlakunya kejadian berikut semasa **perjalanan anda**:

- mogok, rusuhan dan kekecohan awam** atau **bencana alam** di destinasi **lawatan persiaran** yang dijadualkan; atau
- kematian **anda** atau kematian teman seperjalanan **anda** yang didaftarkan untuk **lawatan persiaran** bersama **anda**; atau
- anda** atau teman seperjalanan **anda** yang didaftarkan untuk **lawatan persiaran** bersama **anda** disahkan tidak layak untuk mengembara oleh **pengamal perubatan** atau dimasukkan ke hospital kerana **penyakit** atau **kecederaan**.

Gangguan Lawatan Persiaran

Kami akan membayar balik kepada **anda** sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat Pelayaran** untuk sebarang kos yang tidak boleh dikembalikan bagi **lawatan persiaran anda** yang tidak digunakan yang telah **anda** beli jika **anda** dihalang daripada meneruskan **lawatan persiaran** sekiranya berlaku perkara berikut:

- mogok, rusuhan dan kekecohan awam** atau **bencana alam** di destinasi **lawatan persiaran** yang dijadualkan; atau
- kematian **anda** atau kematian teman seperjalanan **anda** yang didaftarkan untuk **lawatan persiaran** bersama **anda**; atau
- anda** atau rakan seperjalanan **anda** yang didaftarkan untuk **lawatan persiaran** bersama **anda** disahkan tidak layak untuk mengembara oleh **pengamal perubatan** atau dimasukkan ke hospital kerana **penyakit** atau **kecederaan**.

Sambungan Pelayaran

Kami akan membayar balik kepada **anda** sehingga had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Manfaat Pelayaran** untuk perbelanjaan pengangkutan munasabah yang ditanggung oleh **anda** untuk pergi ke pelabuhan seterusnya untuk menaiki kapal **pelayaran** yang dijadualkan atau destinasi berjadual sekiranya berlaku perkara berikut semasa **pelayaran anda**:

- mogok, rusuhan dan kekecohan awam** atau **bencana alam**; atau
- anda** atau rakan seperjalanan **anda** yang didaftarkan untuk **pelayaran** bersama **anda** disahkan tidak layak untuk mengembara oleh **pengamal perubatan** atau dimasukkan ke hospital kerana **penyakit** atau **kecederaan**.

Syarat Tambahan untuk Perlindungan Tambahan Manfaat Pelayaran

Perlindungan Tambahan Manfaat Pelayaran hanya terpakai untuk Perlindungan Satu Perjalanan yang tidak melebihi 185 hari. **Lawatan persiaran** dalam Malaysia yang merupakan sebahagian daripada **jadual pelayaran anda** akan dilindungi.

Kami tidak akan membayar untuk:

- Sebarang kerugian yang dilindungi oleh pengaturan insurans lain, atau yang boleh dikembalikan oleh agensi pelancongan, operator pelancongan atau syarikat **pelayaran**.
- Sebarang perkara yang telah dimaklumkan kepada **anda** atau yang telah **anda** ketahui semasa **anda** mendaftar untuk perlindungan tambahan ini.
- Sebarang keperluan, peraturan atau akta kerajaan.
- Kegagalan untuk mendapatkan visa atau dokumentasi perjalanan yang diperlukan.
- Kematian atau **penyakit** yang disebabkan oleh **keadaan sedia ada**.
- Kegagalan untuk memberikan laporan bertulis daripada **pengamal perubatan** yang mengesahkan penyakit atau kecederaan **anda** atau rakan seperjalanan **anda**.
- Keengganan **anda** untuk mengembara atau kehilangan keseronokan **anda** pada **pelayaran**.

APABILA MEMBUAT TUNTUTAN

- Hubungi nombor bantuan yang berkaitan secepat mungkin untuk mendapatkan bantuan dan jika boleh, berikan nombor siji **anda**.
- Maklumkan **MSIG** secara bertulis dalam tempoh 30 hari sebaik sahaja **anda** telah kembali dari luar negara jika terdapat sebarang-apa kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan.
- Lengkapkan Borang Tuntutan yang berkaitan dengan tuntutan **anda**.
- Hantarkan Borang Tuntutan, Sijil Insurans asal, Tiket Penerbangan / Tiket Elektronik / Pas Syarikat Penerbangan Tiket / Pas Menaiki Kapal terbang, Pengesahan Operator Pelancongan untuk Invois Tempahan dan Jadual Perjalanan dan maklumat lain yang perlu dan sebarang bantuan lain yang mungkin **kami** kehendaki di atas perbelanjaan **anda**.

PERLINDUNGAN TAMBAHAN: MANFAAT HAIWAN PELIHARAAN

Anda hanya akan dilindungi jika anda telah memilih perlindungan tambahan Manfaat Haiwan Peliharaan dan telah membayar premium insurans tambahan yang sewajarnya kepada **kami**.

Perlindungan tambahan ini merupakan sebahagian daripada Polisi Insurans TravelRight Plus **anda**. Melainkan dinyatakan sebaliknya atau diubah suai secara khusus, Tafsiran Perkataan, Syarat-syarat Umum dan Pengecualian-pengecualian Umum (terpakai kepada semua bahagian) dalam polisi akan terpakai untuk perlindungan tambahan ini. Jika mana-mana terma atau syarat dalam polisi tidak konsisten dengan perlindungan tambahan ini, terma dan syarat dalam perlindungan tambahan ini akan diguna pakai.

JADUAL MANFAAT HAIWAN PELIHARAAN ANDA

Manfaat	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
Penginapan haiwan peliharaan disebabkan Kelewatan Perjalanan	150 (mak 750)	200 (mak 1,000)	250 (mak 1,250)

DEFINISI PERKATAAN UNTUK PERLINDUNGAN TAMBAHAN MANFAAT HAIWAN PELIHARAAN

Haiwan Peliharaan bermaksud kucing atau anjing **anda**.

KETERANGAN MANFAAT

Penginapan Haiwan Peliharaan disebabkan Kelewatan Perjalanan

Kami akan membayar **anda** jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat-manfaat Haiwan Peliharaan jika **pengangkut berjadual anda** tertangguh sekurang-kurangnya lapan (8) jam berterusan dari masa yang dinyatakan dalam jadual perjalanan **pengangkut berjadual** atau operator pelancongan yang menghalang **anda** daripada mengambil **haiwan peliharaan anda** pada tarikh pengambilan yang telah ditetapkan oleh kemudahan penginapan **haiwan peliharaan** berlesen.

Perlindungan ini hanya terpakai jika **anda** telah mengesahkan **pengangkut berjadual anda**, mendaftar masuk tepat pada masanya dan menerima pas masuk **anda** termasuk saluran layan diri mengikut jadual perjalanan asal seperti yang dinasihatkan oleh **pengangkut anda**.

Untuk membuat tuntutan, **anda** mesti memberikan pengesahan bertulis daripada:

- kemudahan penginapan **haiwan peliharaan** berlesen yang menyatakan tempoh asal penginapan **haiwan peliharaan** anda, tarikh pengambilan yang diatur sebelum **perjalanan anda** ke luar negara dan tempoh penginapan lanjutan.
- pengangkut**, operator atau ejen pengendalian yang menyatakan sebab dan tempoh kelewatan.

PENGECUALIAN TAMBAHAN UNTUK PERLINDUNGAN TAMBAHAN MANFAAT HAIWAN PELIHARAAN

Kami tidak akan membayar:

- kelewatan perjalanan akibat mogok atau tindakan perusahaan yang bermula atau diumumkan sebelum pembelian insurans dan/atau tarikh berlepas dari **rumah anda**.
- penjadualan semula jadual perjalanan oleh **pengangkut berjadual** sebelum permulaan **perjalanan**.
- kelewatan **pengangkut** carter.
- haiwan peliharaan** yang tidak menginap di kemudahan penginapan haiwan peliharaan berlesen semasa **perjalanan anda**.
- kegagalan **anda** untuk mengambil **haiwan peliharaan anda** dari kemudahan penginapan haiwan peliharaan berlesen dalam tarikh atau masa yang telah diatur sebelumnya atas sebab-sebab selain daripada kelewatan perjalanan seperti yang dinyatakan di atas.
- lebih daripada satu (1) tuntutan untuk **haiwan peliharaan** yang sama untuk kejadian yang sama.

Jenis Tuntutan	Apa yang perlu saya buat?	Apa yang saya perlukan?
Seksyen 1 Kemalangan Diri	<ul style="list-style-type: none"> • Hubungi MSIG untuk bantuan. • Lapor kepada pihak berkuasa tempatan jika terdapat kematian. • Dapatkan rawatan daripada hospital jika mengalami kecederaan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Salinan yang diperakui: <ul style="list-style-type: none"> • Sijil kematian • Laporan bedah siasat • Kad pengenalan si mati • Laporan polis (jika kematian yang disebabkan oleh kemalangan) 2) Surat Pentadbiran jika tiada penamaan 3) Laporan perubatan daripada pakar perubatan 4) Bukti hubungan di antara Orang yang Diinsuranskan dengan anak-anak untuk tuntutan ke atas tabung pendidikan anak
Seksyen 2 Perbelanjaan Perubatan & Lain-lain	<ul style="list-style-type: none"> • Hubungi MSIG Assist untuk bantuan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Laporan Perubatan daripada pakar perubatan/jenis penyakit 2) Sijil Perubatan daripada doktor biasa, jika perlu 3) Invois-invois dan resit-resit Perubatan Asal 4) Invois perbelanjaan penginapan, komunikasi dan perbelanjaan perjalanan untuk tuntutan Penjagaan Ehsan dan Penjagaan Anak 5) Surat sokongan daripada doktor bertugas untuk tuntutan Penjagaan Ehsan 6) Invois untuk kos pengebumian, pembakaran mayat atau penghantaran jenazah ke rumah 7) Nama dan alamat doktor lazim di Malaysia, jika perlu
Seksyen 3 Bagasi dan Barang-barang Peribadi	<ul style="list-style-type: none"> • Laporkan kerugian/kerosakan kepada syarikat penerbangan sebaik sahaja anda menyedari kerosakan atau kehilangan dan dapatkan "Laporan Percanggahan Barang Peribadi" • Beri notis bertulis mengenai tuntutan itu kepada syarikat penerbangan dalam had masa yang ditentukan. • Laporkan butiran kejadian itu kepada polis atau mana-mana pihak berkuasa dalam masa 24 jam dan dapatkan laporan bertulis kejadian tersebut. • Jangan buang barangan rosak anda. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Butiran terperinci mengenai barangan yang dituntut 2) Resit-resit pembelian asal, kad jaminan dan lain-lain, bagi bagasi dan/atau barang-barang peribadi, jika mana-mana 3) Laporan Percanggahan Barang Peribadi daripada syarikat penerbangan 4) Laporan Polis sekiranya berlaku kecurian 5) Gambar-gambar yang menggambarkan kerosakan kepada bagasi dan lain-lain 6) Bukti pampasan daripada pihak yang bertanggungjawab
Seksyen 4 Kelewatan Bagasi	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan kepada Pengangkut. • Beri notis bertulis mengenai tuntutan itu kepada Pengangkut dalam had masa yang ditentukan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Laporan pengesahan bertulis daripada Pengangkut mengenai jumlah jam kelewatan atau tersalah arah dalam penyampaian
Seksyen 5 Wang Persendirian dan Penggunaan Kad Tanpa Izin	<ul style="list-style-type: none"> • Ambil segala langkah yang wajar untuk mendapatkan semula wang anda. • Laporkan butir-butir kejadian itu kepada polis dalam masa 24 jam dan dapatkan laporan bertulis kejadian tersebut. • Laporkan kehilangan kad kredit atau debit kepada bank berkenaan dalam masa 24 jam. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Laporan polis di tempat kejadian 2) Penyata daripada bank yang menunjukkan rekod penggunaan kad kredit atau debit tanpa izin termasuk tarikh dan masa kehilangan dilaporkan (untuk tuntutan Penggunaan Kad Tanpa Izin)

Jenis Tuntutan	Apa yang perlu saya buat?	Apa yang saya perlukan?
Seksyen 6 Dokumen Perjalanan	<ul style="list-style-type: none"> Laporkan butir-butir kehilangan/kecurian kepada polis dalam masa 24 jam dan dapatkan laporan bertulis. 	<ol style="list-style-type: none"> Laporan polis di tempat kejadian Resit-resit asal untuk perbelanjaan tambahan penginapan, perjalanan dan komunikasi yang ditanggung dalam menggantikan kehilangan dokumen perjalanan Salinan Sijil Kecemasan
Seksyen 7 Pembatalan Perjalanan	<ul style="list-style-type: none"> Semak bahawa sebab anda membatalkannya adalah disenaraikan sebagai yang dilindungi di dalam seksyen Pembatalan Perjalanan salinan polisi anda. 	<ol style="list-style-type: none"> Dokumen untuk menyokong sebab-sebab bagi pembatalan Resit asal bayaran perlindungan insurans dan sebarang perbelanjaan pelancongan pra-tempahan dan pra-bayar Invois pembatalan daripada operator pelancongan yang berkenaan dan pembayaran balik yang diperoleh daripada mereka
Seksyen 8 Pemendekan Perjalanan	<ul style="list-style-type: none"> Semak bahawa sebab anda membatalkannya adalah disenaraikan sebagai yang dilindungi di dalam seksyen Pemendekan Perjalanan salinan polisi anda. <p><i>Polisi ini hanya akan membayar untuk tuntutan sama ada di bawah Seksyen 7 atau Seksyen 8 tetapi tidak kedua-duanya</i></p>	<ol style="list-style-type: none"> Dokumen untuk menyokong sebab-sebab bagi pemendekan Resit asal bayaran perlindungan insurans dan sebarang perbelanjaan pelancongan pra-tempahan dan pra-bayar Invois pembatalan daripada operator pelancongan yang berkenaan dan pembayaran balik yang diperoleh daripada mereka
Seksyen 9 Kelewatan Perjalanan (termasuk penjadualan semula penerbangan)	<ul style="list-style-type: none"> Anda mesti mendaftar masuk pada waktu berlepas yang dinyatakan anda. Semak bahawa kelewatan anda adalah lebih setiap empat (4) jam pertama dan setiap enam (6) jam berikutnya sebelum mengemukakan tuntutan. 	<ol style="list-style-type: none"> Pengesahan bertulis daripada syarikat penerbangan atas jangka masa kelewatan dan alasan kelewatan tersebut Resit asal untuk bayaran tiket daya tarikan prabayar (untuk tuntutan Terlepas Acara disebabkan Kelewatan Perjalanan)
Seksyen 10 Kegagalan Menyambung Perjalanan	<ul style="list-style-type: none"> Semak bahawa kelewatan anda adalah lebih daripada enam (6) jam sebelum mengemukakan tuntutan. 	<ol style="list-style-type: none"> Pengesahan bertulis daripada syarikat penerbangan atas jangka masa kelewatan dan alasan kelewatan tersebut
Seksyen 11 Perjalanan Terlebih Tempahan	<ul style="list-style-type: none"> Semak bahawa kelewatan anda adalah lebih daripada enam (6) jam sebelum mengemukakan tuntutan. 	<ol style="list-style-type: none"> Pengesahan bertulis daripada syarikat penerbangan berkenaan mengesahkan kejadian Terlebih Tempahan
Seksyen 12 Ketinggalan Perlepasan	<ul style="list-style-type: none"> Semak bahawa sebab kegagalan untuk anda tiba di tempat berlepas dilindungi dalam buku polisi anda. 	<ol style="list-style-type: none"> Dokumen-dokumen yang menyokong alasan untuk ketinggalan pelepasan anda Resit asal untuk perbelanjaan tambahan penginapan dan lain-lain perbelanjaan perjalanan yang ditanggung
Seksyen 13 Pengalihan Tujuan Perjalanan	<ul style="list-style-type: none"> Semak bahawa kelewatan anda adalah lebih daripada enam (6) jam sebelum mengemukakan tuntutan. <p><i>Polisi ini hanya akan membayar untuk satu tuntutan yang dibuat sama ada di bawah Seksyen 9 atau 10 atau 11 atau 12 atau 13 atau 21 tetapi tidak semua.</i></p>	<ol style="list-style-type: none"> Pengesahan bertulis daripada syarikat penerbangan yang mengesahkan kejadian itu (masa ketibaan sebenar berbanding masa ketibaan yang dijadualkan)

Jenis Tuntutan	Apa yang perlu saya buat?	Apa yang saya perlukan?
Seksyen 14 Kehilangan Deposit Perjalanan	<ul style="list-style-type: none"> • Berusaha untuk mendapatkan balik bayaran deposit anda. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Dokumen untuk menyokong alasan bagi tuntutan berkenaan deposit perjalanan 2) Resit asal untuk bukti bayaran yang dibuat kepada agensi pelancongan
Seksyen 15 Kos Tambahan Pemulangan Kereta Sewa dan Ekses Kereta Sewa	<ul style="list-style-type: none"> • Hubungi pembekal kereta sewa anda. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Perjanjian penyewaan 2) Resit bayaran atas kos tambahan kereta sewa atau ekses kereta sewa 3) Surat pengesahan atau penerimaan yang mengesahkan tarikh sebenar pengembalian kereta sewa 4) Laporan perubatan dan bil-bil yang menyatakan keadaan perubatan dan tempoh rawatan di hospital 5) Laporan polis di tempat kejadian (untuk tuntutan Ekses Kereta Sewa)
Seksyen 16 Liabiliti Peribadi	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak membuat sebarang pengakuan liabiliti atau membuat tawaran atau janji pembayaran tanpa keizinan kami. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Surat-menyurat daripada Pihak Ketiga yang tidak berjawab
Seksyen 17 Kerugian Penggunaan Kemudahan Hotel	<ul style="list-style-type: none"> • Hubungi penginapan hotel anda. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Surat pengesahan daripada hotel atau ejen pengendalian yang menyatakan tempoh dan alasan untuk mencari penginapan alternatif 2) Invois dan resit sebagai bukti bayaran untuk penginapan alternatif yang ditanggung
Seksyen 18 Perlindungan Di Dalam Rumah	<ul style="list-style-type: none"> • Anda hendaklah melaporkan butir-butir kehilangan/kecurian kepada pihak polis dalam tempoh 24 jam dan dapatkan laporan bertulis. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Laporan Polis berkenaan kejadian
Seksyen 19 Perlindungan Aktiviti Yang Mencabar	<p>Untuk Seksyen 1 – Kemalangan Diri</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hubungi MSIG untuk bantuan. • Laporkan kepada pihak berkuasa tempatan jika terdapat kematian. • Dapatkan rawatan daripada hospital jika mengalami kecederaan. <p>Untuk Seksyen 2 – Perbelanjaan Perubatan & Lain-lain</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hubungi MSIG Assist untuk bantuan. 	<p>Untuk Seksyen 1 – Kemalangan Diri</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Salinan yang diperakui: <ul style="list-style-type: none"> • Sijil kematian • Laporan bedah siasat • Kad pengenalan si mati • Laporan polis jika kematian yang disebabkan oleh kemalangan 2) Surat Pentadbiran jika tiada penamaan 3) Laporan perubatan daripada pakar perubatan 4) Bukti hubungan diantara Orang yang Diinsuranskan dengan anak-anak untuk tuntutan ke atas tabung pendidikan anak <p>Untuk Seksyen 2 – Perbelanjaan Perubatan & Lain-lain</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Laporan Perubatan daripada pakar perubatan/ jenis penyakit atau kecederaan 2) Sijil Perubatan daripada doktor biasa, jika perlu 3) Invois-invois dan resit-resit Perubatan Asal 4) Invois perbelanjaan penginapan, komunikasi dan perbelanjaan perjalanan untuk tuntutan Penjagaan Ehsan dan Penjagaan Anak 5) Surat sokongan daripada doktor bertugas untuk tuntutan Penjagaan Ehsan 6) Invois untuk kos pengebumian, pembakaran mayat atau penghantaran jenazah ke rumah 7) Nama dan alamat doktor biasa di Malaysia, jika perlu

Jenis Tuntutan	Apa yang perlu saya buat?	Apa yang saya perlukan?
Seksyen 20 Bayaran Telefon Kecemasan	<ul style="list-style-type: none"> • Hubungi MSIG Assist untuk bantuan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Penyata caj dengan butiran mengenai nombor telefon yang dipanggil daripada telefon / pengendali internet anda
Seksyen 21 Pengaturan Pengangkutan Alternatif & Perlindungan Tambah Pengaturan Pengangkutan Alternatif Tambahan	<ul style="list-style-type: none"> • Semak bahawa pembatalan/ kelewatan adalah lebih daripada 24 jam dan sebab pembatalan/kelewatan anda adalah disenaraikan sebagai yang dilindungi sebelum mengemukakan tuntutan. <p><i>Polisi ini hanya akan membayar untuk satu tuntutan yang dibuat sama ada di bawah Seksyen 9 atau 10 atau 11 atau 12 atau 13 atau 21 tetapi tidak semua.</i></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1) Pengesahan bertulis daripada syarikat penerbangan atas jangka masa kelewatan dan alasan kelewatan tersebut 2) Resit asal untuk pembelian pengangkutan alternatif
Perlindungan Tambah Manfaat COVID-19	<ul style="list-style-type: none"> • Hubungi MSIG Assist untuk bantuan. • Semak bahawa anda dimasukkan ke hospital akibat jangkitan COVID-19. 	<p>Untuk Seksyen 2 – Perbelanjaan Perubatan & Lain-lain</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Keputusan ujian makmal Hospital/Klinik mengesahkan jangkitan COVID-19 2) Laporan Perubatan daripada pakar perubatan / Jenis penyakit, jika perlu 3) Sijil Perubatan daripada doktor biasa, jika perlu 4) Invois-invois dan resit-resit Perubatan Asal 5) Nama dan alamat doktor lazim di Malaysia, jika perlu
	<ul style="list-style-type: none"> • Semak bahawa sebab anda membatalkan perjalanan anda adalah kerana anda didiagnosis dengan jangkitan COVID-19 dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum perjalanan anda. 	<p>Untuk Seksyen 7 – Pembatalan Perjalanan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Keputusan ujian makmal Hospital/Klinik mengesahkan jangkitan COVID-19 2) Resit asal bayaran perlindungan insurans dan sebarang perbelanjaan pelancongan pra-tempahan dan pra-bayar 3) Invois pembatalan daripada operator pelancongan yang berkenaan dan pembayaran balik yang diperoleh daripada mereka
	<ul style="list-style-type: none"> • Semak bahawa sebab anda memendekkan perjalanan anda adalah kerana anda didiagnosis dengan jangkitan COVID-19 semasa perjalanan anda. 	<p>Untuk Seksyen 8 – Pemendekan Perjalanan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Keputusan ujian makmal (PCR) Hospital/ Klinik mengesahkan jangkitan COVID-19 2) Resit asal bayaran perlindungan insurans dan sebarang perbelanjaan pelancongan pra-tempahan dan pra-bayar 3) Invois pembatalan daripada operator pelancongan yang berkenaan dan pembayaran balik yang diperoleh daripada mereka
	<p><i>Polisi ini hanya akan membayar untuk tuntutan sama ada di bawah Seksyen 7 atau Seksyen 8 tetapi tidak kedua-duanya.</i></p>	

Jenis Tuntutan	Apa yang perlu saya buat?	Apa yang saya perlukan?
Perlindungan Tambahan Manfaat Pelayaran	<ul style="list-style-type: none"> • Semak bahawa sebab pembatalan termasuk di bawah perkara yang dilindungi. 	Untuk Pembatalan Lawatan Persiaran <ol style="list-style-type: none"> 1) Pas Menaiki Kapal Pelayaran (jika berkenaan) 2) Dokumen untuk menyokong sebab-sebab pembatalan Lawatan Persiaran 3) Resit asal untuk pembayaran perlindungan insurans dan sebarang perbelanjaan lawatan yang telah ditempah dan dibayar terlebih dahulu 4) Invois pembatalan daripada operator pelancongan / syarikat pelayaran berkenaan dan bayaran balik yang diperolehi daripada mereka
	<ul style="list-style-type: none"> • Semak bahawa sebab Gangguan Lawatan Persiaran termasuk di bawah perkara yang dilindungi. 	Untuk Gangguan Lawatan Persiaran <ol style="list-style-type: none"> 1) Pas Menaiki Kapal Pelayaran (jika berkenaan) 2) Dokumen untuk menyokong sebab-sebab Gangguan Lawatan Persiaran 3) Resit asal untuk pembayaran perlindungan insurans dan sebarang perbelanjaan lawatan yang telah ditempah dan dibayar terlebih dahulu 4) Invois pembatalan daripada operator pelancongan / syarikat pelayaran berkenaan dan bayaran balik yang diperolehi daripada mereka
	<ul style="list-style-type: none"> • Semak bahawa sebab Sambungan Pelayaran termasuk di bawah perkara yang dilindungi. 	Untuk Sambungan Pelayaran <ol style="list-style-type: none"> 1) Pas Menaiki Kapal Pelayaran (jika berkenaan) 2) Dokumen untuk menyokong sebab-sebab Sambungan Pelayaran 3) Resit asal untuk pembayaran perlindungan insurans dan resit untuk sebarang perbelanjaan pengangkutan yang ditanggung oleh anda untuk pergi ke pelabuhan seterusnya untuk menaiki kapal pelayaran yang dijadualkan atau destinasi yang telah dijadualkan 4) Jadual Perjalanan Pelayaran penuh
Perlindungan Tambahan Manfaat Haiwan Peliharaan	<ul style="list-style-type: none"> • Anda mesti mendaftar masuk pada waktu berlepas yang telah ditetapkan. • Semak bahawa kelewatan perjalanan anda telah melebihi (8) jam sebelum mengemukakan tuntutan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1) Pas Menaiki Kapal Terbang 2) Pengesahan Syarikat Penerbangan mengenai tempoh dan sebab kelewatan penerbangan 3) Dokumen daripada pusat penginapan haiwan peliharaan berlesen yang menyatakan tempoh asal penginapan haiwan peliharaan anda, tarikh pengambilan haiwan peliharaan yang telah dijadualkan sebelum perjalanan anda ke luar negara dan tempoh penginapan lanjutan

MSIG TRAVELRIGHT PLUS INSURANCE / INSURANS TRAVELRIGHT PLUS MSIG

**Contact the relevant helpline numbers as soon as you can for assistance quoting your certificate number if possible /
*Hubungi nombor bantuan yang berkaitan secepat mungkin untuk mendapatkan bantuan dan jika boleh, berikan nombor sijil anda***

MSIG ASSIST HELPLINE / TALIAN BANTUAN MSIG ASSIST

Please call this number / Sila hubungi talian berikut

+603-2166 3080

Open 24 hours a day, 7 days a week /

Dibuka 24 jam sehari, 7 hari seminggu

CLAIMS HELPLINE / TALIAN BANTUAN TUNTUTAN

If you need to make a claim upon your return, please call this number /

Jika anda ingin membuat tuntutan selepas kepulangan anda, sila hubungi talian berikut

+603-2053 5898

8:30 am to 5:30 pm (Monday to Friday) /

8:30 pagi hingga 5:30 petang (Isnin hingga Jumaat)

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
Registration No. 197901002705 (46983-w)

Head Office: Customer Service Centre,
Level 15, Menara Hap Seng 2,
Plaza Hap Seng,
No. 1, Jalan P. Ramlee,
50250 Kuala Lumpur
Tel +603 2050 8228, Fax +603 2026 8086
Customer Service Hotline 1-800-88-MSIG (6744)
Email myMSIG@my.msig-asia.com
Website www.msig.com.my

A member of **MS&AD** INSURANCE GROUP

KUALA LUMPUR

Customer Service Centre,
Level 15, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng,
No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur
Tel +603 2050 8228, Fax +603 2026 8086

ALOR SETAR

1st Floor, No. 169,
Susuran Sultan Abdul Hamid 11,
Kompleks Perniagaan Sultan Abdul
Hamid Fasa 2, 05050 Alor Setar, Kedah
Tel +604 772 2266, Fax +604 772 2255

BATU PAHAT

No. 31A & 32A, Jalan Kundang,
Taman Bukit Pasir, 83000 Batu Pahat, Johor
Tel +607 433 6808, Fax +607 433 7808

IPOH

Lots A-01-10, A-01-12, A-01-14 & A-01-16,
1st Floor, Wisma MFCB,
Greentown Business Centre, No. 1,
Persiaran Greentown 2, 30450 Ipoh, Perak
Tel +605 255 1319, Fax +605 253 7979

JOHOR BAHRU

Suite 21-01, Level 21, Menara JLand,
Johor Bahru City Centre (JBCC),
Jalan Tun Abdul Razak, 80000 Johor Bahru, Johor.
Tel: +607 208 7800 Fax: +607 276 3800

KLANG

1st Floor, No. 1, Lorong Tiara 1B,
Bandar Baru Klang, 41150 Klang, Selangor
Tel +603 3343 6691, Fax +603 3342 2571

KLUANG

1st Floor, No. 7, Bangunan HLA,
Jalan Yayasan, 86000 Kluang, Johor
Tel +607 772 6501/774 5701
Fax +607 774 5702

KOTA BHARU

3826, 1st Floor, Jalan Hamzah,
15050 Kota Bharu, Kelantan
Tel +609 748 1280, Fax +609 748 3509

KUANTAN

Nos. A-43, A-45 & A-47,
Lorong Tun Ismail 12, Sri Dagangan 2,
25000 Kuantan, Pahang
Tel +609 515 7501, Fax +609 515 7502

MELAKA

1st & 2nd Floor, No.777,
Jalan Hang Tuah, 75300 Melaka
Tel +606 289 4333, Fax +606 289 4222

PENANG

Level 15, Hunza Tower,
No.163E, Jalan Kelawei, 10250 Penang
Tel +604 219 0800, Fax +604 219 0999

PETALING JAYA

Units 9-3 & 11-3, Block A, Jaya One,
No. 72A, Jalan Prof Diraja Ungku Aziz,
46200 Petaling Jaya, Selangor
Tel +603 7954 4208, Fax +603 7954 4202

SEREMBAN

No. 41-G & 41-1 Jalan KS 3,
Kepayang Sentral 2,
70200 Seremban, Negeri Sembilan
Tel +606 601 3501, Fax +606 601 3503

SUNGAI PETANI

1st Floor, 9C, Jalan Kampung Baru,
08000 Sungai Petani, Kedah
Tel +604 424 4180, Fax +604 423 4513

KOTA KINABALU

Suite 6.02 & 6.03, Level 6, Plaza Shell
No. 29, Jalan Tunku Abdul Rahman,
88000 Kota Kinabalu, Sabah
Tel +6088 301 030, Fax +6088 301 110

KUCHING

22 & 22A, Jalan Rubber,
Lots 344 & 345, Section 9,
93400 Kuching, Sarawak
Tel +6082 255 901/259 204
Fax +6082 427 612

MIRI

Unit No. D-2-17, Block D,
Miri Times Square, Marina ParkCity,
Jalan Bendahara, 98000 Miri, Sarawak
Tel +6085 434 890, Fax +6085 419 002

SANDAKAN

1st Floor, Block 18,
Lots 1 & 2, Bandar Indah, Mile 4,
North Road, 90000 Sandakan, Sabah
Tel +6089 217 388, Fax +6089 215 388

SIBU

1st Floor, No. 65, Jalan Kampong Nyabor,
96000 Sibiu, Sarawak
Tel +6084 323 890/347 008
Fax +6084 314 558

TAWAU

1st Floor, Block 42, TB 330A,
Fajar Complex, 91000 Tawau, Sabah
Tel +6089 771 051, Fax +6089 764 079

 www.facebook.com/MSIGMY

For more information, please call MSIG or contact your Insurance Adviser at: